

BAHAGIAN A Soalan Objektif

Praktis 1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Morfologi Aros R

- 1 Encik Lim dinaikkan pangkat setelah lapan tahun _____ berkhidmat di Syarikat Maju Sejahtera Sendirian Berhad.

A dia
B beliau
C kalian
D mereka

2



Jalan itu _____ menjelang tengah malam.

A sarat
B kosong
C sibuk
D lengang

- 3 Azril menampalkan poster itu _____ papan kenyataan sekolah.

A ke
B pada
C kepada
D dengan

- 4 Fahmi menyimpan _____ itu semula selepas menggunakannya untuk mengukur sudut tepat.

A jejari
B sesiku
C tetupai
D kekuda

- 5 "Tindakan _____ akan dikenakan terhadap mana-mana pekerja yang melanggar peraturan syarikat," kata Encik Manan.

A tatatertib
B tatalaku
C tatarakyat
D tatanegara

- 6 _____ murid mesti melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.

A Sesetengah
B Setengah
C Seluruh
D Semua

- 7 Tangan Sarah melecur _____ terkena cerek panas.

A hingga
B supaya
C bahawa
D kerana

8



Puan Linda gemar _____ baju bayi pada masa lapang.

A mengait
B menenun
C menyulam
D menganyam

- 9 _____ berani kamu menipu saya!

A Eh
B Oh
C Cis
D Amboi

- 10 Isu penggunaan bahasa rojak dalam kalangan remaja di negara kita telah dibahaskan oleh para _____.
A cendekiawan C wartawan
B hartawan D jutawan



Puan Nurul dan anaknya _____ sebelum berpisah.
A berhambat-hambatan
B beriring-iringan
C berpandang-pandangan
D berdakap-dakapan

- 12 Ibu berasa amat _____ akan keselamatan abang yang sudah dua hari tidak pulang ke rumah.
A malu C curiga
B takut D bimbang

- 13 _____kah mesyuarat yang dijadualkan pada pagi tadi ditangguhkan?
A Apa
B Berapa
C Mengapa
D Bagaimana

- 14 Orang ramai melihat bangkai ikan paus yang _____ di pantai itu.
A terlantar
B terdampar
C terletak
D terhampar

- 15 Abang sulung saya _____ berbahasa Jepun setelah empat tahun belajar di Negara Matahari Terbit itu.
A fasih
B cepat
C cekap
D cerdik

- 16 Petani tua itu akan terus mengusahakan sawahnya _____ terdaya.
A selagi C sehingga
B semasa D manakala

- 17 Murid-murid kelas Tingkatan Tiga Alfa akan _____ lawatan sambil belajar ke Melaka pada hari Sabtu nanti.
A melalui C memasuki
B menyertai D mendekati

- 18 “_____ mandi di sungai itu kerana airnya sangat dalam,” kata Puan Suraya kepada anaknya.
A Tolong
B Sila
C Jangan
D Minta

- 19 Penduduk Taman Sepakat terdiri _____ berbilang bangsa.
A dari
B daripada
C oleh
D kepada

- 20 Zaim sering bermain hoki tetapi pelajaran tetap menjadi _____nya.
A kemajuan
B kemahuan
C keutamaan
D kepentingan

- 21 Kurator muzium itu _____ sejarah artifak yang berharga itu kepada para pengunjung.
A menerangi
B keterangan
C penerangan
D menerangkan

- 22 Para penyokong Skuad Tok Gajah _____ kesukaan apabila penyerang utama pasukan itu berjaya menjaringkan gol kemenangan.
A terkial-kial
B terlonjak-lonjak
C terkebil-kebil
D terlayang-layang